

Headline	Kabel haram dalam longkang TNB keluar surat teguran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 May 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	27
ArticleSize	115 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,536		



Kabel haram dalam longkang: TNB keluar surat teguran

KUALA LUMPUR 25 Mei - Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengeluarkan surat teguran kepada pihak-pihak berkaitan yang didapati memasang kabel elektrik haram di dalam longkang.

Pengurus Besar Bahagian Pembahagian TNB Kuala Lumpur, Datuk Ir. Lim Yew Soon berkata, kerja-kerja mengalihkan semua kabel elektrik haram itu juga telah dialihkan ke kedudukan yang betul sejak minggu lalu.

“Hasil siasatan TNB mendapati kabel yang dipasang dalam longkang itu direntang oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak pengurusan perniagaan terlibat.”

“Malah, kerja-kerja rentangan kabel itu juga tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh TNB,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau mengulas mengenai sikap ambil mudah pengusaha di Jalan Changkat, Bukit Bintang



Hasil siasatan TNB mendapati kabel yang dipasang dalam longkang itu direntang oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak pengurusan perniagaan terlibat.”

LIM YEW SOON
Pengurus Besar Bahagian Pembahagian TNB Kuala Lumpur

di sini dengan memasang kabel elektrik secara haram di dalam longkang selain binaan kekal yang menutup saluran air tersebut adalah punca ia tersumbat seterusnya mengakibatkan banjir.

Yew Soon berkata, semua kos bagi pengalihan kabel itu akan dibilkan kepada pengusaha perniagaan yang terlibat.